

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 1 (A109)**

Adakah prestasi bagi setiap PBT dinilai oleh pihak kerajaan dan bagaimana cara ianya dinilai?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, prestasi setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah dinilai oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT).

Objektif SPB-PBT ini adalah untuk menilai:

1. Tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT.
2. Meletakkan PBT pada kedudukan yang sesuai mengikut ranking agar PBT dapat meningkatkan daya saing.
3. Mengemas kini ciri-ciri PBT yang berprestasi tinggi supaya sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi.

SPB-PBT juga bertujuan memanfaatkan PBT bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan dengan memperkasa dan meningkatkan akauntabiliti PBT melalui penilaian yang lebih baik ke atas keupayaan PBT dan ekspektasi komuniti setempat.

Kriteria/indikator yang diberi penilaian adalah dari segi:

**1. Pengurusan**

- Pengurusan Organisasi
- Pengurusan Kewangan dan Aset
- Pengurusan Sumber Manusia

**2. Perkhidmatan teras**

- Pelaksanaan Dasar Pelesenan & Kawalan Perniagaan
- Kawalan Pemajuan
- Kawalan Bangunan
- Pengurusan Penilaian & Harta
- Pengurusan Lalulintas & Tempat Letak Kereta
- Pengurusan Landskap
- Perancangan, Pelaksanaan & Pemantauan Projek
- Undang-Undang & Penguatkuasaan
- Aktiviti Kesihatan Persekitaran
- Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

- 3. Pengurusan pelanggan**
- Perkhidmatan Barisan Hadapan
  - Pengurusan Aduan
- 4. Penyertaan komuniti dan pandangan penduduk.**
- Penglibatan Komuniti
  - Pandangan Penduduk

**Penarafan Bintang**

- |           |   |                          |
|-----------|---|--------------------------|
| 5 Bintang | - | 90 – 100 markah          |
| 4 Bintang | - | 75 – 89.9 markah         |
| 3 Bintang | - | 60 – 74.9 markah         |
| 2 Bintang | - | 46 – 59.9 markah         |
| 1 Bintang | - | 45.0 markah dan ke bawah |

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 2 (A184)**

Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Program Mama Friendly untuk menggalakkan ibu bekerja mengempam susu badan di tempat kerja dilaksanakan secara menyeluruh, sehingga ke syarikat-syarikat kerajaan mahupun swasta?

**JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG**

Program Mama Friendly / Bilik Mama Friendly merupakan program di bawah inisiatif kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan program ini termasuk di dalam ucapan Bajet Tahun 2019 iaitu di bawah Bajet Pembangunan pelaksanaan Titik Fokus 141.

Objektif program ini adalah menyokong dasar penyusuan susu ibu dengan menyediakan bilik penyusuan dalam usaha menggalakkan semua ibu bekerja agar menyusui anak dengan susu ibu sahaja sepanjang 6 bulan pertama dan meneruskan penyusuan sehingga anak berumur 2 tahun.

Selain itu, program ini menzahirkan keprihatinan kerajaan kepada kakitangan awam dan juga orang awam dalam memastikan kebajikan dan keselesaan untuk menguruskan utiliti mereka. Ia juga memberi faedah kepada wanita yang masih menyusui badan untuk mengempam tanpa rasa malu atau segan, mengelakkan pandangan negatif dan mempunyai ruang serta tempat penyimpanan susu yang selamat.

Pada 26 Januari 2019 (Sabtu), Program Mama Friendly telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu YAB Dato' Dr. Seri Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail sempena Program Santuni Rakyat di Plaza Angsana, Johor Bahru. Program ini telah mendapat perhatian di peringkat kebangsaan, liputan dan sambutan dari seluruh rakyat Johor, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan, Swasta mahupun NGO.

Manakala pada 16 Mei 2019 (Khamis), Majlis Perasmian Bilik Mama Friendly pula diadakan dan disempurnakan oleh YM Che' Puan Khaleeda binti Bustamam bertempat di Bangunan Dato' Mohamad Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar, Iskandar Puteri.

Program Mama Friendly ini mensasarkan syarikat-syarikat swasta, NGO dan jabatan-jabatan kerajaan bersama-sama menyokong serta merialisasikan harapan kerajaan agar kemudahan ini akhirnya disediakan di seluruh tempat dan lokasi tumpuan orang awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

Sehubungan dengan itu, langkah seterusnya Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah meneruskan usaha iaitu sehingga kini 14 MOU telah ditandatangani dalam merialisasikan program Mama Friendly ini iaitu 10 dari Pihak Berkuasa Tempatan dan 4 syarikat swasta, sebagaimana berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Agensi</b>
<b>1.</b>	<b>Agensi Kerajaan (Pihak Berkuasa Tempatan)</b>
	i. Majlis Bandaraya Johor Bahru
	ii. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
	iii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang
	iv. Majlis Perbandaran Batu Pahat
	v. Majlis Perbandaran Kluang
	vi. Majlis Perbandaran Kota Tinggi
	vii. Majlis Perbandaran Segamat
	viii. Majlis Daerah Tangkak
	ix. Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
	x. Majlis Daerah Pontian
<b>2.</b>	<b>Swasta / Syarikat / NGO</b>
	i. Infinity 8
	ii. Malaysian Association of Hotels – Johor Chapter
	iii. Austin Heights Sdn Bhd
	iv. Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd

Bagi peringkat pertama ini, kerajaan mensasarkan 30 syarikat swasta, NGO dan jabatan-jabatan kerajaan menyediakan bilik Mama Friendly bagi kemudahan kakitangan dan juga orang awam. Selain itu, program ini juga akan diluaskan ke peringkat sekolah-sekolah di Negeri Johor.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga telah menyarankan agar Kerajaan Negeri Johor mewajibkan semua pasaraya di Negeri Johor menyediakan kemudahan Bilik Penyusuan bagi kemudahan pengunjung/pelanggan dan pemantauan akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)  
SOALAN 3 (A127)**

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya mendapati ada pemaju perumahan yang menjual lot bumiputera kepada bukan bumiputera sebelum mendapatkan kelulusan pelepasan daripada kerajaan Negeri ?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 27/3/2019 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 627/2019 dan seterusnya bersetuju dengan Penambahbaikan Dasar Hartanah Bumiputera.

Tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya mendapati ada pemaju yang telah membuat jualan bagi lot Bumiputera sebelum kelulusan taburan atau sebelum proses pendaftaran lot Bumiputera selesai akan dikenakan caj gantian berjumlah 25% daripada harga lot Bumiputera bagi setiap unit yang telah dijual.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB SENATOR DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)  
SOALAN 4 (A193)**

Minta kerajaan menyatakan jumlah pekerjaan baru yang telah diwujudkan dan ditawarkan kerajaan negeri selepas setahun pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Harapan.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

Pembangunan ekonomi negeri Johor telah mengalami transformasi menuju ke arah yang lebih progresif dan dinamik. Proses ini membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih positif yang disokong oleh pelbagai aktiviti ekonomi yang sentiasa bergerak aktif. Perkembangan projek-projek pembangunan seperti di Rapid Pengerang, Desaru Coast, Iskandar Global Business Services, pembinaan kompleks beli belah mega antaranya Paradigm Mall, Mid Valley SouthKey banyak menyumbang kepada kewujudan pekerjaan baru di negeri Johor.

Mengikut data perkongsian daripada JobsMalaysia Johor, jumlah kekosongan jawatan terkini bagi adalah sebagaimana berikut :

- Pembuatan : 17912
- Pembinaan : 5454
- Perkhidmatan dan lain-lain sektor : 10819

Jumlah keseluruhan ialah : 34,185

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)**

**SOALAN 5 (A34)**

Apakah faktor kelebihan keupayaan Johor Special Water (JSW) bagi mengambil alih tugas-tugas penyelenggaraan loji rawatan kumbahan (STP) dari pihak berkuasa tempatan?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Johor Special Water merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor dan di letakkan dibawah Permodalan Darul Ta'zim ( PDT ). Sehingga kini, modal berbayar JSW telah dinaikkan kepada RM1,000,000.00 dan pihak PDT telah member sokongan untuk memberikan pendahuluan sehingga RM10,000.00.

Pelan perniagaan syarikat pembedungan yang sedia ada tidak member manfaat kepada Kerajaan Negeri Johor kerana segala pendapatan akan disalurkan kepada syarikat individu. Jadi , JSW akan menjadi syarikat yang dapat member kepentingan 100% kepada kerajaan Negeri Johor dan tidak akan dijadikan sebagai syarikat yang tidak akan member kepulauan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Setelah hampir 25 tahun, syarikat pembedungan sedia ada tidak pernah membawa sebarang program pembangunan dan pemodenan berkaitan pembedungan seperti kemudahan rawatan enap cemar, Loji Rawatan Kumbahan ( LRK ) berpusat moden dan sebagainya ke Negeri Johor.

Majlis Mesyuarat Kerajaan ( MMK ) dalam Ringkasan Mesyuarat Bil 344/2011 bertarikh 6 April 2011 bersetuju JSW dibenarkan untuk mengambil alih aser-aset berkaitan system pembedungan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru ( MBBJ ) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang ( MPPG ) bagi tujuan bekalan air mentah dan air terawatt daripada system pembedungan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan ( MMK ) dalam Ringkasan Mesyuarat Bil 1534/2018 bertarikh 7 November 2018 bersetuju mengekalkan keputusan MMK dalam RM Bil 344/2011 dan bersetuju dalam tempoh proses pengambilalihan ( 12 bulan ), segala kerja-kerja dan kos pengoperasian dan penyelenggaraan LRK serta asset-aset pembedungan adalah di bawah tanggungjawab pihak Berkuasa Tempatan MBJb dan MPPG sebelum diserahkan sepenuhnya kepada JSW.

Dalam Mesyuarat Air Negara pada 25 Februari 2019 yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri , YAB Menteri Besar Johor telah menjelaskan bahawa “ Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyerahkan perkhidmatan pembedungan di kedua-dua kawasan ini kepada IWK , sebaliknya melantik Johor Special Water untuk mengendali LRK di Johor Bahru dan Pasir Gudang.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

Pentadbiran JSW juga telah melantik 'key-personnel' dan syarikat kontraktor pakar/konsultan untuk kerja-kerja 'due-dilligence', membaik pulih LRK dan pengoperasian LRK.

Berdasarkan laporan interim, sejumlah 51 daripada 110 LRK dan 30 daripada 41 rumah pam di kawasan MBBJ dan MPPG di klasifikasikan sebagai berfungsi dan boleh di operasikan serta merta ( skala 0 & 1 ) oleh JSW.

Bagi melancarkan proses pengambilalihan LRK dan perbincangan berkaitan, pihak JSW, MBBJ dan MPPG telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Induk yang di pengerusikan oleh Timbalan Setiausaha ( Pembangunan ) dan Jawatankuasa Kerja Kecil ( JKK ) . Ahli Jawatankuasa Induk dan JKKK yang terlibat adalah seperti berikut :-

Ahli Jawatankuasa Induk

- a) Pengarah SPAN Wilayah Selatan
- b) Yang Di Pertua MPPG
- c) Datuk Bandar MBBJ
- d) Ketua Pegawai Eksekutif PDT
- e) Ketua Eksekutif JSW

Jawatankuasa Kerja Kecil ( JKKK )

- a) JKK Pengurusan Tanah
- b) JKK Kewangan, Pengebilan Dan Pungutan
- c) JKK Pengurusan Aset LRK & Rumah Pam
- d) JKK Operasi & Senggara
- e) JKK Perundangan

'Memorandum Of Understanding' ( MoU) telah di rangka bersama pihak MBBJ, MPPG, JSW juga mencadangkan untuk mengadakan promosi serta penjenamaan JSW selepas MoU ditandatangani.

Pada 7 November 2018, pihak JSW telah memohon permit daripada SPAN untuk menjalankan operasi pembetulan. Namun berdasarkan surat SPAN bertarikh 31 Januari 2019, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN telah meminta pihak JSW telah menghantar permohonan lesen individu beserta plan perniagaan JSW pada 28 Mac 2019. Keputusan permohonan lesen individu masih lagi dalam tindakan SPAN.

Pihak MBBJ juga akan menyerahkan operasi dan penyelenggaraan sebanyak 92 LRK dan rangkaian pembetulan yang berada di skala ) dan 1 pada Julai 2019 manakala LRK dan rangkaian pembetulan yang berada di skala 2 dan 3 pada 1 November 2019.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

Pengambilalihan LRK dan rumah pam secara operasi akan di lakukan secara berperingkat berdasarkan skala :

- Fasa 1 ( skala 0 & 1 )
- Fasa 2 ( Skala 2 & 3 )

-

Penerangan skala LRK dan rumah pam adalah seperti berikut :-

<b>Skala</b>	<b>Penerangan</b>
0	Tiada kesan signifikan kepada prestasi LRK / ruman pam , bagaimanapun masih perlu menambah baik system pengawalan operasi dan membaikpulih peralatan sokongan
1	Kesan Kepada Prestasi LRK / rumah pam sangat minima kerana kelemahan dari aspek kendalian dan pengawalan operasi. Melibatkan kos pemulihan yang sederhana kepada peralatan utama dan sokongan
2	Memberi impak yang negative kepada prestasi LRK / rumah pam kerana tiada system kendalian dan senggaraan yang teratur dan kos pemulihan memerlukan perbelanjaan yang besar untuk pembaikan / penggantian peralatan utama dan sokongan
3	Prestasi LRK / ruman pam amat buruk dan memerlukan operasi baik pulih secara menyeluruh. Sistem operasi, senggaraan , pembaikan latihan keselamatan dan pengurusan wajib dinilai dan disusun semula

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 6 (A63)**

Sejauh mana dasar untuk memoden dan meningkatkan produktiviti aktiviti pertanian serta memajukan industri asas tani telah berjaya dilaksanakan di Johor.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Jabatan Pertanian Negeri Johor komited dalam memajukan sektor pertanian dan juga industri asas tani. Hasil galakan dan juga sokongan semua pihak sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan telah menjadikan Johor antara pemain industri pertanian yang terpenting di Negara ini. Kejayaan negeri Johor dalam bidang pertanian sangat memberangsangkan. Pada tahun 2017, negeri Johor merupakan pengeluar utama bagi buah-buahan dan pengeluar kedua bagi sayur-sayuran di Malaysia.

Selain itu, pencapaian dalam bidang industri asas tani juga tidak kurang hebatnya. Laporan dari Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan bahawa negeri Johor pada tahun 2018 telah melahirkan seramai 1800 orang usahawan yang berjaya dengan jumlah pengeluaran tahunan sebanyak RM 340 juta. Negeri Johor juga mencatatkan negeri yang paling tinggi mencatatkan jualan hasil produk industri asas tani bagi tahun 2018.

Berdasarkan ringkasan penerangan saya sebentar tadi, ingin saya simpulkan bahawa dasar memoden dan meningkatkan produktiviti pertanian serta memajukan industri asas tani sering menjadi agenda utama Kerajaan, sama ada Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 7 (A39)**

Apakah status projek pembinaan jalan baru pintasan di antara Sekolah Menengah ke Sekolah Rendah Felda Bukit Besar yang dinyatakan masih menunggu keputusan pihak ICU JPM pada Sidang Dewan 12 Ogos 2018?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Buat masa ini projek tersebut dibatalkan pelaksanaannya selaras dengan ketetapan MOF dlm surat bertarikh 26 Jun 2018, sekiranya projek yg belum keluar SST perlu dibatalkan. Berdasarkan keadaan visual projek ini tidak menjadi keutamaan kerana terdapat laluan sedia ada dan masih boleh digunakan disamping keadaan trafik yang tidak mendesak.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)**

**SOALAN 8 (A75)**

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi membantu pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang terjejas ekoran harga komoditi yang rendah.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

**JAWAPAN RISDA**

Bagi membantu pekebun kecil menghadapi masalah kejatuhan harga komoditi getah, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) iaitu:

Insentif Pengeluaran Getah (IPG) merupakan satu bantuan yang diberikan oleh Kerajaan sebanyak RM0.10 hingga RM1.45 sekilogram ke atas setiap kilogram cuplump yang dikeluarkan oleh pekebun kecil apabila purata bulanan harga getah gred SMR20 FOB berada di paras RM5.50 sekilogram atau purata bulanan harga cuplump berada di paras RM2.20 sekilogram ke bawah. Bantuan ke atas lateks turut diberikan pada kadar RM0.90 sekilogram (100% kandungan getah kering).

Dan melalui RISDA pula, telah menyediakan peruntukan berjumlah RM 200,000.00 untuk membina depo-depo jualan berkelompok getah pada tahun 2019. Melalui, depo jualan berkelompok ini penjualan getah akan dilakukan secara tender dimana harga yang terbaik akan dapat diberikan kepada pekebun kecil getah. Secara asasnya, harga di depo ini adalah lebih tinggi di antara 20 sen ke 50 sen sekilogram. Melalui kaedah jualan secara berkelompok, pekebun kecil dianggarkan menerima pendapatan lebihan sebanyak hampir RM 100.00 sebulan berdasarkan purata pemilikan kebun seluas 1.7 hektar.

Pada Disember 2018 pula, RISDA telah membelanjakan sejumlah RM 8.159 Juta bagi membantu Pekebun Kecil Getah di Johor menghadapi masalah musim Tengkujuh. Bantuan bernilai RM 600.00 ini telah memanfaatkan sejumlah 13,599 orang pekebun getah di Negeri Johor.

**JAWAPAN MPOB**

Bagi memperkukuhkan harga sawit, Kementerian Industri Utama (MPI) telah pun melaksanakan beberapa langkah serta merta dan jangka masa panjang bagi meminimumkan impak kejatuhan harga terutamanya kepada pendapatan para pekebun kecil.

Langkah serta merta lain yang telah dilaksanakan oleh pihak MPI bagi meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit adalah melalui peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum dari Program B7 kepada Program B10 di sektor pengangkutan bermula Disember 2018, diikuti pelaksanaan mandatori mulai Februari

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

2019. Kerajaan juga akan melaksanakan Program B7 di sektor industri bermula Julai 2019 secara mandatori. Pelaksanaan Program B10 di sektor pengangkutan dan Program B7 di sektor industri dijangka melibatkan penggunaan minyak sawit untuk biodiesel dianggarkan sebanyak 761,000 tan setahun. Ini akan menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit tempatan, seterusnya memperkukuhkan harga minyak sawit.

Selain itu, langkah-langkah jangka masa panjang untuk memperkukuhkan harga sawit termasuk:

- i. Menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjamin kelestarian produk sawit di samping meningkatkan nilai tambah produk sawit serta meningkatkan permintaan dengan memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu melalui aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan di luar negara dengan penyertaan dalam pameran, ekspo perdagangan dan misi teknikal.
- ii. Meningkatkan akses pasaran dan seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna di negara-negara pengimport melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau.
- iii. Menjadikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori pada Januari 2020 sebagai satu langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima secara global dan menjenamakan minyak sawit milik Malaysia yang seterusnya diterima sebagai pilihan utama pelanggan global. Ini akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport.
- iv. Bekerjasama dengan Indonesia dalam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) di mana Badan ini yang akan juga disertai oleh lain-lain negara pengeluar minyak sawit akan membolehkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti untuk memperkukuhkan harga.

MPI akan terus meninjau pelaksanaan langkah-langkah jangka pendek dan panjang ke arah memperkukuhkan harga komoditi sawit. Ini adalah untuk memastikan para pengusaha tanaman sawit terutamanya pekebun kecil tidak terus terkesan ekoran kejatuhan komoditi tersebut.

Pihak Kementerian Industri Utama (MPI) juga amat peka dan prihatin untuk membantu menangani masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil sawit, terutama ketika harga komoditi ini tidak menentu. Oleh itu, sebagai usaha untuk jangkamasa mendatang, Pihak MPI melalui MPOB telah diperkenalkan beberapa insentif dengan objektif utama

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

adalah untuk meningkatkan lagi pendapatan dan seterusnya kesejahteraan pekebun kecil.

Antaranya insentif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan Pensijilan MSPO sebagai satu usaha untuk penjenamaan minyak sawit Malaysia yang berkualiti lima bintang serta dihasilkan mengikut kaedah mampan. Langkah pensijilan MSPO ini sekaligus dapat meningkatkan dan memperluaskan pasaran minyak sawit di dalam dan luar negara. Bagi meringankan kos yang ditanggung pekebun kecil, kerajaan memperuntukan sejumlah RM130 juta bagi Skim Persijilan MSPO pekebun kecil sawit persendirian. Mereka tidak perlu membayar yuran audit persijilan. Mereka juga akan dibekalkan secara percuma set pakaian keselamatan, setor racun, fi pertukaran syarat tanah serta menerima latihan berkaitan MSPO.
- ii. Bermula pada tahun 2019, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian (IPPKS) yang melibatkan jumlah peruntukan RM550 juta.
- iii. Bagi mengurangkan pergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit dan memberikan pendapatan tambahan kepada Pekebun kecil, Pihak Kerajaan telah melaksanakan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) bermula pada 2017 dan akan diteruskan sehingga 2020. Sehingga tahun 2018, sebanyak RM10 juta telah diperuntukan untuk skim ini.
- iv. Bagi mengalakkan pekebun kecil menyertai aktiviti berteraskan perniagaan, mereka digalakkan untuk menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Pihak kerajaan memberikan insentif RM200,000 bagi sebuah KPSM untuk menubuhkan Pusat Timbang bagi memudahkan urusan jualan hasil Buah Tandan Segar (BTS) ahli-ahlinya secara berkelompok terus kekilang dengan mendapat tawaran harga yang lebih baik. Pihak Kerajaan juga telah melaksakana Skim Pinjaman Mudah Modal Pusingan RM100,000, bagi meningkatkan KPSM urusan jual beli BTS daripada pekebun kecil.
- v. Melalui MPOB, pekebun kecil sawit juga di beri khidmat nasihat serta tuju ajar daripada Pegawai TUNAS terutama untuk mereka meningkatkan pengetahuan dalam amalan pertanian terbaik pengurusan tanaman sawit. Amalan pertanian seperti kaedah pembajaan, penggunaan anak sawit berkualiti, penuaian berkesan, pengurusan perosak dan kesedaran merekod aktiviti pengurusan sawit telah diterapkan bagi memastikan produktiviti dan seterusnya pendapatan pekebun kecil meningkat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 9 (A103)**

Sungai Kopok di Perigi Aceh DUN Tiram sentiasa berlaku pencemaran sungai, walaupun masalah ini lama wujud tetapi kini pencemaran semakin serius air sungainya bertukar warna hitam. Harap Jabatan yang berkenaan sila ambil tindakan.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Jabatan Alam Sekitar mengambil maklum perhatian isu pencemaran yang berlaku di Sungai Kopok, Perigi Aceh. Berdasarkan rekod, sebanyak lapan (8) aduan pencemaran Sg Kopok telah diterima oleh Jabatan ini sejak tahun 2018 dan aduan-aduan tersebut adalah berkaitan dengan perubahan warna air, air sungai berbau busuk dan berwarna hitam serta pernah berlaku kejadian ikan mati.

Hasil siasatan yang telah dijalankan oleh Unit Aduan JAS Johor serta keputusan laporan analisa contoh air sungai yang telah diambil mendapati punca utama pencemaran di Sungai Kopok adalah pelepasan effluen industri yang mempunyai beban organik yang tinggi terutamanya dari industri berasas minyak sawit seperti oleo chemical, asas sabun, biodiesel dan kilang berasas makanan. Walaupun kesemua kilang tersebut telah dilengkapi dengan loji pengolahan *effluent* namun masih terdapat segelintirnya yang cuai dalam mengawal pelepasan dari premis sehingga menyebabkan *effluent* dilepaskan tanpa diolah terlebih dahulu.

Siasatan secara terperinci ke atas semua punca yang disyaki melepaskan *effluent* terus dijalankan dan tindakan-tindakan pengatkuasaan seperti perintah penahanan operasi kelengkapan, notis arahan, kompaun dan tindakan mahkamah akan diambil sekiranya berlaku pelanggaran di bawah mana-mana peruntukan seksyen di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**

**SOALAN 10 (A96)**

Berapa banyak lawatan kerja luar negara yang telah dilakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan Dan Utiliti Negeri dan kosnya dari tahun Mei 2018 hingga kini?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Kerajaan Negeri melalui Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) telah mengadakan Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara yang diketuai Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor bagi menarik pelaburan dari luar negara samada dengan cara bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui agensinya iaitu MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) mahupun Misi Galakan Pelaburan Kerajaan Negeri sendiri. Melalui misi-misi perdagangan ini, pihak Kerajaan Negeri telah dapat menyalur serta menyampaikan maklumat dan mempromosikan Negeri Johor kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan di Negeri Johor sama ada melalui seminar pelaburan, mesyuarat dan juga business matching. JSIC juga memainkan peranan untuk membina jaringan hubungan (networking) promosi pelaburan menerusi pejabat MIDA di luar negara. Sebanyak sebelas (11) lawatan kerja dan program ke luar Negara telah dilakukan dalam tempoh setahun iaitu dari bulan Mei 2018 sehingga kini (Jun 2019).

Berikut adalah perincian lawatan kerja ke luar Negara dan kos yang telah dibelanjakan sepanjang tempoh dari Mei 2018 sehingga Jun 2019 :

BIL	PROGRAM DAN LAWATAN KERJA KE LUAR NEGARA	TARIKH LAWATAN KERJA	KOS PERBELANJAAN	POTENSI DAN SEKTOR PELABURAN
1.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Singapura	27 Ogos 2018	RM25,480.00	Industri berasaskan Teknologi tinggi
2.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke China (Xiamen)	8-11 September 2018	RM50,933.00	Pelbagai sektor dan bidang industri
3.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Tokyo dan Osaka, Jepun dan Seoul, Korea Selatan	14-20 Oktober 2018	RM101,670.00	Industri sektor Global Business Services (GBS)



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

4.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Jakarta	23-26 Oktober 2018	RM 24,495.00	Trade Expo Indonesia. Industri Perabot.  3 Mou telah dimeterai : - PT Pratama Industri TBK dan Mulford Plastics (M) Sdn Bhd - PT KuopacificGroup Holdings dan Paragon Link Sdn Bhd - PT Kuopacific Indobaru dan Paragon Medical Centre Sdn Bhd
5.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Perancis (Lyon, Toulouse, Paris dan Lille)	3-10 November 2018	RM 282,410.00	Pengangkutan, logistik, infrastruktur ICT, tenaga dan utiliti.  Information Technology (Cloud, telecommunication, software, hardware), Aerospace/Shipping Building dan Food Processing
6.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Dubai	16-20 Februari 2019	RM 61,969.00	Industri Hub Halal, Industri Minyak & Gas, Pelancongan Pembangunan Hartanah
7.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Batam, Indonesia	14-17 Mac 2019	RM 100,000.00**	Industri Pelancongan  Industri Hiliran
8.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke China (Guangzhou, Shanghai, Suzhou, Luan, Huanggang, Wuhan)	26 Mac 2019 – 2 April 2019	Tiada kos yang terlibat kerana telah ditaja oleh Guangdong Custom Home Association	Industri Perabot Guandong Custom Home Association telah menandatangani MOU dengan Syarikat Turut Mekar Sdn Bhd bagi membantu ahli persatuan mereka untuk melabur ke Negeri Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

9.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke China (Tianjin)	16 April – 19 April 2019	Tiada kos yang terlibat kerana telah ditaja oleh JT Friendship City Cultural & Economy Association (JTA)	Kerjasama Hub Halal di Tianjin dan Johor
10.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke China (Guangzhou, Huizhou, Shenzen)	27 Mei 2019 – 2 Jun 2019	RM 57,100.00	Pelbagai sektor dan bidang industri
11.	Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Korea Selatan dan Jepun	16-22 Jun 2019	RM 164,295.00	Industri Sektor Global Business Services (GBS)

Melalui misi-misi perdagangan dan pelaburan yang disertai, Kerajaan Negeri telah menerima maklum balas yang positif dari bakal-bakal pelabur tersebut dan akan membuat tindakan songsong bagi setiap perbincangan yang telah diadakan sepanjang misi-misi ini diadakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)  
SOALAN 11 (A167)**

Senaraikan nama pihak pemaju yang gagal menyiapkan projek rumah mampu biyai, lokasi, bilangan rumah mampu biyai terlibat, jumlah denda dan tindakan diambil pihak kerajaan pada tahun 2013, 2014, 2015 2016, 2017, 2018 dan 2019 secara berasingan mengikut daerah.

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Senarai pemaju yang dikenakan bayaran caj penalti bagi Rumah Kos Rendah dari tahun 2016 sehingga Disember 2018 adalah seperti berikut:

**Daerah Johor Bahru**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	NUSAJAYA HEIGHTS SDN. BHD.	16,573,750	842 Unit
2.	TASEK MAJU REALTY SDN. BHD.	720,000	18 Unit
3.	JOHOR LAND BERHAD	12,322,500	3286 Unit
4.	COUNTRY VIEW RESOURCES SDN. BHD.	5,212,500	1390 Unit
5.	1) BANDAR NUSAJAYA DEVELOPMENT SDN.BHD. 2) SYMPHONY HILLS SDN. BHD. 3) NUSAJAYA GREENS SDN. BHD. Melalui : BANDAR NUSAJAYA DEVELOPMENT SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. Bil. 39606/13 dan 39607/13	29,080,000	736 Unit
6.	MU YU (MALAYSIA) SDN. BHD.	1,280,000	32 Unit
7.	GRANDEUR PARK SDN. BHD.	8,820,000	467 Unit
8.	J.C CHANG PTE. LTD. Melalui : SOUTHERN GATEWAY (M)	2,081,250	555 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

	SDN. BHD.		
9.	SENIBONG HILLS SDN. BHD.	80,000	2 Unit
10.	SETIA INDAH SDN. BHD.	1,110,000	148 Unit
11.	FASTRACK ISKANDAR SDN. BHD.	680,000	17 Unit
12.	SCUDAI DEVELOPMENT SDN. BHD.	1,788,450	RM 1,507,200.00 (48 Unit) RM 281,250.00 (75 Unit)
13.	AKURJAYA SDN. BHD.	1,185,000	158 Unit
14.	CRESCENDO JAYA SDN. BHD.	2,385,000	114 Unit
15.	KECK SENG (MALAYSIA) BERHAD	1,402,500	674 Unit
16.	PRISMA DIMENSI SDN. BHD.	18,598,750	4631 Unit
17.	1) BENUA KURNIA SDN. BHD. 2) NERACA PRISMA SDN. BHD.	15,877,500	2117 Unit
18.	KECK SENG SDN. BHD.	13,687,500	1825 Unit
20.	CRESCENDO LAND SDN. BHD.	9,020,000	336 Unit
21.	GST REALTY SDN. BHD.	190,000	8 Unit
22.	PERFECT BLOOM SDN. BHD. Melalui : MONTAJ ALAM SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 5008/2013	560,000	14 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

23.	SCIENTEX QUATARI SDN. BHD.	16,411,250	2773 Unit
24.	SCUDAI DEVELOPMENT SDN. BHD.	3,977,500	162 Unit
25.	KECK SENG SDN. BHD.	2,655,000	354 Unit
26.	SANJUNG TROPIKA SDN. BHD.	1,200,000	83 Unit
27.	GRANDEUR PARK SDN. BHD.	7,620,000	405 Unit
28.	MARSLAND DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui : ERA UNIVERSE DEVELOPMENT SDN. BHD.	11,172,500	1137 Unit
29.	SENAI AIRPORT CITY SDN. BHD.	8,880,000	222 Unit
30.	TENTU TEGUH SDN. BHD.	940,000	30 Unit
31.	NUSAJAYA HEIGHTS SDN. BHD.	1,842,500	94 Unit
32.	LAKEHILL RESORT DEVELOPMENT SDN. BHD.	3,195,000	426 Unit
33.	COUNTRY VIEW RESOURCES SDN. BHD.	3,909,375	751 Unit
34.	TANJUNG BINTANG SDN. BHD.	27,310,000	842 Unit
35.	PERMAS JAYA SDN. BHD.	33,920,000	848 Unit
36.	BAYOU MANAGEMENT SDN. BHD.	4,320,000	432 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

37	1. NUSAJAYA RISE SDN. BHD. 2. NUSAJAYA HEIGHTS SDN. BHD. Melalui NUSAJAYA RISE SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. Bil. 6490/13 3. NUSAJAYA SEAVIEW SDN. BHD. Melalui NUSAJAYA RISE SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 6487/13 4. FINWARES SDN. BHD. & SYMPHONY HILLS SDN. BHD. Melalui NUSAJAYA RISE SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. Bil. 6488/13	22,290,000	2972 Unit
38.	TOKOH TAMPOI SDN. BHD.	67,500	9 Unit
39.	DANGA BAY SDN. BHD.	157,500	8 Unit
40.	POTENTIAL LANDSCAPE SDN. BHD.	4,400,000	110 Unit
41.	COUNTRY GARDEN PACIFICVIEW SDN. BHD.	9,867,500	501 Unit

**Daerah Kulai**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	PRAIRIE DEVELOPMENT SDN. BHD.	123,750	4 Unit
2.	PASARAYA HWA THAI SDN. BHD Melalui : ASPIRASI MAHSURI SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 31/2013	760,000	19 Unit
3	1) ANAK BUKIT RESORTS SDN. BHD. 2) PALM VILLA SDN. BHD. Melalui : PALM RESORTS BERHAD Sebagai Pemegang P.A Bil. 282/2014 dan 283/2014 3) PALM RESORTS BERHAD	157,500	8 Unit
4	ENIGMA HARMONI SDN. BHD.	17,760,000	( Tiada Rekod )

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

5	1) KOTA MULIA SDN. BHD. 2) BUNGA DEVELOPMENT SDN. BHD.	5,812,500	755 Unit
6	PECK SEONG REALTY	8,850,000	361 Unit
7	AKSI SELASIH SDN. BHD.	6,577,500	292 Unit
8	WIJAYA DEVELOPMENT SDN. BHD.	147,500	11 Unit
9	KCC DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui : PECK SIONG REALTY SDN. BHD. Sebagai Pemegang PA Bil. 1348- 06/2013	4,315,000	207 Unit
10.	KCC DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui PECK SEONG REALTY SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. Bil. 1348- 06/2013	1,212,500	153 Unit
11.	SLG BERSATU SDN. BHD.	1,147,500	36 Unit
12.	LIM SEOK CHIN SDN. BHD. Melalui LIM KENG SIANG SENDIRIAN BERHAD Sebagai Pemegang P.A. Bil. 43/2017	4,242,500	128 Unit
13.	SETIAMAS SDN. BHD. Melalui GENTING PROPERTY SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. Bil. 9392/97	1,335,000	178 Unit

**Daerah Kluang**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	MAJUPADU DEVELOPMENT SDN. BHD.	1,255,000	33 Unit
2.	KEMAJUAN THONG TOR SDN. BHD.	2,287,500	123 Unit
3	MATRIX CONCEPTS SDN. BHD.	18,340,000	738 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

4	SEPANG INDERA SDN. BHD. Melalui : SKF PROPERTIES SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 119/2010 PTG.03/01/03/0103/0003/ 2016/0062/2016	22,500	3 Unit
5.	MENTARI DEVELOPMENT SDN. BHD.	172,500	10 Unit
6.	SERGAM JAYA DEVELOPMENT SDN. BHD.	830,000	9 Unit

**Daerah Batu Pahat**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	PAMIR DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui : COUNTRYLAND REALTY SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 2464-11/2012 & 2465-11/2012	2,960,000	74 Unit
2.	JOHOR CORPORATION	3,040,000	76 Unit
3	PUNCA REPUTASI SDN. BHD.	1,080,000	27 Unit
4.	ALOR BENA SDN. BHD. Melalui : SIN SOON LEE REALTY COMPANY (M) SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 867-04/2015	30,000	4 Unit
5.	JASA VISTA SDN. BHD. [IN-LIQUIDATION]	1,665,000	222 Unit
6.	PAMIR DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui COUNTRYLAND REALTY SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. No. 1459 07/2015	15,000	2 Unit



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

7.	1. HAJI ABDUL SAMAD BIN HAJI MOHD SALLEH 2. ABDUL RASHID BIN HAJI OMAR 3. MOHD YUSOF BIN MD SALLEH 4. MA SHWU HWEE 5. SEE BENG GEE 6. TAN CHIEW KEE	127,500	4 Unit
----	--	---------	--------

**Daerah Muar**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	GOLD LI DEVELOPMENT SDN. BHD.	7,500	1 Unit
2.	1) CHONG BEA 2) CHUA CHUN GUAN Melalui : 1) YEO TIONG HAN 2) YEO KOK HUN 3) YEO KOK HWEE Sebagai Pemegang P.A Bil. 785-05/2012	240,000	6 Unit
3.	SIME DARBY PAGOHO DEVELOPMENT SDN. BHD.	2,565,000	82 Unit
4.	PECK SEONG REALTY SDN. BHD.	360,000	48 Unit

**Daerah Segamat**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	KHOO SOON LEE REALTY SDN. BHD.	787,500	
2.	INDAH DAMAI HOUSING DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui : SIA HER YAM REALTY SENDIRIAN BERHAD	112,500	15 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

3.	WIJAYA DEVELOPMENT SDN. BHD. Melalui : MENTARI DEVELOPMENT SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A Bil. 349/2005	30,000	8 Unit
4.	JS SEGAMAT PROPERTIES SDN. BHD.	4,840,000	121 Unit
5.	KHOO SOON LEE REALTY SDN. BHD.	2,447,500	88 U8nit
6.	ISHTIHAR PROPERTIES & DEVELOPMENT SDN. BHD.	1,822,500	243 Unit
7.	PROPERTY SKYLINE SDN. BHD. Melalui WEALTHY GROWTH SDN. BHD. Sebagai Pemegang P.A. Bil. PD 469/2006	3,405,000	454 Unit
8.	NICE SKYLINE SDN. BHD.	52,500	7 Unit

**Daerah Tangkak**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	GERBANG NUSAJAYA SDN. BHD.	1,512,500	50 Unit
2.	MEGAMAS DEVELOPMENT SDN. BHD.	60,000	16 Unit

**Daerah Kota Tinggi**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	SEBANA REALTY SDN. BHD.	4,040,000	101 Unit
2.	GLOMAC SUTERA SDN. BHD.	3,420,000	456 Unit
3.	SUTERA SELESA SDN. BHD.	150,000	20 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

4.	OAKSVILLA SDN. BHD.	6,600,000	191 Unit
5.	SALING SYABAS SDN. BHD.	1,020,000	136 Unit

**Daerah Pontian**

BIL.	NAMA PEMOHON / NO. FAIL	CAJ KESELURUHAN / PENALTI (RM)	JUMLAH UNIT YANG TIDAK DIBINA
1.	GJH DEVELOPMENT SDN. BHD.	297,500	31 Unit
2.	1. GAN YAU CHIU @ GAN YAN CHENG 2. TAN AH KEON 3. TAN POH SING 4. YONG FAI SERN Melalui BANTONG SDN. BHD. SEBAGAI PEMEGANG P.A. BIL. 372/2011	317,500	12 Unit

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)  
SOALAN 12 (A8)**

Apakah rancangan tebatan banjir dari Kerajaan Negeri Johor supaya menyelesaikan masalah banjir kilat dikawasan Yong Peng.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf dan menyenggara perparitan di kawasan yang telah dikenal pasti tempat berlakunya banjir kilat. Sebagai contoh, pihak MDYP sedang melaksanakan kerja-kerja naiktaraf perparitan di kawasan Taman Madu hingga Taman Jelita menggunakan peruntukan KPKT yang menelan kos RM 450,000 ribu. Selain itu, kerja-kerja pembersihan parit secara berkala turut dilakukan. Pihak MDYP juga telah meminta pihak Jabatan Pengairan dan Salinan Batu Pahat untuk melaksanakan kerja-kerja menyenggara sungai kerana outlet parit-parit dalam Bandar akan keluar ke sungai yang berhampiran.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 13 (A35)**

Apakah perkembangan Projek Johor Eco Entertainment Park (JEEP) yang telah dinyatakan akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri pada Sidang Dewan 16 Ogos 2018 yang lalu.

**JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG**

Untuk makluman, Projek Pembangunan 'Johor Eco Entertainment Park' atau JEEP bertempat di Bandar Akademik Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) Kota Tinggi yang bernilai RM2.7 bilion adalah merupakan salah satu cadangan projek mega yang dicadangkan oleh pentadbiran kerajaan terdahulu yang berada di dalam kawasan Parlimen Tenggara semasa pembentangan Bajet 2018 yang lepas.

Projek ini berupa sebuah taman tema bercirikan ekotropika, pembelajaran alam sekitar dan hiburan 3E (Environment, Education And Entertainment) yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Namun demikian, butiran mengenai pembangunan projek ini tiada dalam makluman pihak Tourism Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)  
SOALAN 14 (A97)**

Apakah ada pelaburan yang telah dibawa masuk oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan Dan Utiliti Negeri hasil daripada lawatan kerja yang dilakukan? Sekiranya ada, sila nyatakan jumlahnya dan dalam bentuk apa pelaburan tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Berikut adalah pelaburan yang di bawa masuk oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor hasil daripada lawatan kerja yang telah dilakukan bagi tempoh setahun sehingga Jun 2019. Namun nama syarikat tidak dapat disertakan kerana ianya masih diperingkat perbincangan dan belum di masukkan di dalam statistik pelaburan untuk tahun 2019.

1. Pelabur dari Indonesia  
Pelaburan bernilai RM 10 juta di Kulai.
2. Pelabur dari Dubai  
Pelaburan bernilai RM 40 juta di Tanjung Langsat
3. Pelabur dari Guangzhou, China  
Pelaburan bernilai RM 28 juta di Desa Cemerlang.
4. Pelabur dari Singapura  
Pelaburan bernilai RM 28 juta di Ipark, Kulai

Namun secara keseluruhannya, hasil lawatan kerja ke luar Negara bukan la mengambil masa yang singkat untuk di realisasikan. Ianya mengambil tempoh dan jangka masa yang panjang dalam membawa masuk pelaburan terutama pelaburan dari luar Negara untuk melabur ke Negeri Johor. Komitmen dan kerjasama dari semua agensi persekutuan dan kerajaan negeri amat diperlukan dalam menjadikan Negeri Johor pilihan pelabur di rantau asia.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)  
SOALAN 15 (A133)**

Apakah strategi kerajaan dalam usaha menjadikan kawasan Johor Utara sebagai hub pengeluaran makanan dan Agro Pelancongan dalam keadaan kekangan kewangan negeri?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Bagi memastikan kawasan Johor Utara terus mengeluarkan hasil bagi membantu negeri johor sebagai hub pengeluran makanan dan agro pelancongan, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Johor mempunyai bantuan dan insentif bagi membangunkan kawasan agropelancongan dan juga khidmat nasihat teknikal bagi memaksimumkan hasil pengeluaran petani di kawasan Johor Utara.

Sebagai contoh, kawasan Johor Utara seperti Tangkak ialah kawasan bagi penanaman padi di negeri Johor. Tangkak mempunyai kawasan penanaman padi (luar jelapang) seluas 843 hektar dengan bilangan pengusaha seramai 381 orang pesawah yang mengusahakan 5 plot sawah. Hasil yang dikeluarkan setiap tahun adalah 5612.88 metrik tan yang mana membawa nilai pengeluaran tahunan sebanyak RM 6, 734,400.00 ( RM 1,200/ mt tan ). Untuk makluman juga, terdapat padi wangi yang ditanam di Tangkak yang mempunyai harga yang lebih baik daripada padi biasa dan menjadi tarikan pelancong.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Dataran Pulau Penarik Serom, Tangkak pada tahun 2017 telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 150 ribu bagi mengindahkan dan memberi keselesaan kepada pengunjung yang hadir. Selain itu juga, Tangkak juga mempunyai kawasan tanaman sayur seluas 3819.27 hektar dan mengeluarkan hasil sayur sebanyak 437 metrik tan. Jabatan Pertanian akan terus memberi khidmat nasihat bagi memastikan penghasilan pada paras yang optima dan juga berkualiti.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 16 (A105)**

Kampung Kong Kong Laut, Bandar Masai, memerlukan satu jeti awam konkrit berbumbung bagi penggantian jeti kayu lama yang telah usang dan tidak selamat digunakan. Perkara ini telah dibawah ke perhatian pihak berkuasa, apakah tindakan pihak MPPG.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman, jeti sedia ada yang terdapat di Kampung Kong-Kong Laut, Bandar Masai adalah di bawah Jabatan Perikanan. Buat masa ini, pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) belum ada dalam perancangan untuk membina jeti di kawasan tersebut.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)  
SOALAN 17 (A57)**

Minta dinyatakan sebab-sebab mengapa hampir 90% ketua-ketua kampung diganti dengan yang baru dan apakah pencapaian prestasi ketua kampung yang baharu sehingga kini.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor dalam mesyuaratnya pada 10.10.2018 dan 24.10.2018 telah bersetuju dengan senarai nama Ketua Kampung yang diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Pemilihan Ketua Kampung dijalankan secara temuduga di peringkat Pejabat Daerah. Keputusan temuduga akan dihantar untuk tindakan Pejabat Menteri Besar. Setelah mendapat pengesahan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Kertas Mesyuarat akan disediakan untuk dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor.

Oleh kerana kebanyakannya merupakan Ketua Kampung yang baharu, satu kursus Induksi untuk Ketua Kampung telah diadakan pada 20 hingga 21 Februari 2019.

Ketua-Ketua Kampung terus dipantau dan diberikan pendedahan berkaitan tugas dan peranan masing-masing sebagai Ketua Kampung

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB SENATOR DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)  
SOALAN 18 (A192)**

Minta Kerajaan menyatakan status terkini kilang sawit yang terletak berhampiran Pekan Jementah yang pernah mendapat bantahan penduduk setempat.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Merujuk kepada penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Cawangan Muar ke atas Kilang Kelapa Sawit Milik Mestika pada 16 Mei 2019 mendapati kilang mematuhi keperluan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Status kemajuan kerja-kerja pemasangan loji biogas bagi mengurangkan pencemaran bau dari kolam pengolahan efluen sehingga 16 Mei 2019 adalah sebanyak 80%. Pihak premis tidak dapat menyiapkan loji biogas tersebut pada akhir bulan Mei 2019 sebagaimana maklumbalas Notis Arahan terdahulu kepada Jabatan Alam Sekitar disebabkan faktor-faktor teknikal dan kewangan. Premis telah mengemukakan rayuan perlanjutan tempoh menyiapkan loji biogas sehingga bulan Ogos 2019.

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, Putrajaya pada 29 Mei 2019, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menyokong rayuan untuk lanjutan tempoh menyiapkan pemasangan loji biogas sebelum bulan Ogos 2019. Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dikeluarkan pada 30 Mei 2019 kepada pihak kilang untuk menyiapkan loji biogas dalam tempoh tersebut serta mengambil langkah-langkah kawalan dan penyenggaraan bagi mengawal pencemaran bau.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 19 (A64)**

Apakah usaha-usaha yang telah/akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengurusan sampah di kawasan-kawasan kampung dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khas kepada MPKK di kawasan luar servis SWM.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Buat masa ini, KPLB tidak mempunyai peruntukan khas kepada pihak MPKK bagi tujuan pengurusan sampah di kawasan-kawasan kampung.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)  
SOALAN 20 (A100)**

Apakah langkah yang di ambil oleh kerajaan negeri agar kes pencemaran di Sungai Kim Kim tidak berulang lagi di negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Bagi memastikan kes pencemaran Sungai Kim-Kim tidak berulang lagi di Negeri Johor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JASNJ) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. JASNJ telah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap pengusaha-pengusaha kilang di sekitar Pasir Gudang agar mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Ini termasuk pemeriksaan ke atas kilang secara berkala, siasatan penguatkuasaan ke atas aduan yang diterima dan penguatkuasaan melalui kaedah *Guided Self Regulation* (GSR), notifikasi dan Sistem Pelaporan Alam Sekitar Atas Talian (*On-line Environmental Reporting OER*) ;
- ii. Memantau kilang-kilang yang menjana sisa buangan terjadual melalui sistem *Electronic Schedule Waste Information System* (E-SWIS) yang mampu mengesan pergerakan buangan terjadual daripada kilang pengeluar kepada kemudahan pelupusan yang dilesenkan oleh JAS. Setiap kilang yang menghasilkan sisa buangan terjadual adalah bertanggungjawab untuk membuat pemakluman kepada sistem ini;
- iii. Menjalankan pemantauan kualiti air Sungai Kim-Kim melalui 2 stesen pemantauan yang terdapat di sungai tersebut ;
- iv. Meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi yang lain seperti pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Kimia Malaysia serta lain-lain agensi yang berkenaan bagi memperkemas lagi tindakan pengurusan bencana yang komprehensif meliputi aspek pengenalpastian bahan pencemar, persampelan dan ujian makmal serta pemantauan kualiti alam sekitar berterusan ; dan
- v. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pencemaran sungai kerana sungai adalah punca utama sumber air kita dan tanpa air masyarakat tidak dapat meneruskan kehidupannya. Masyarakat pula perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dan melaporkan segera kepada Pihak Berkuasa sebarang kegiatan yang mencurigakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

Sementara itu, pihak Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) turut memainkan peranannya bersama agensi-agensi lain untuk memantau sungai-sungai dan perairan di negeri Johor dengan lebih kerap lagi.

Selain itu, penganjuran kempen-kempen kesedaran berkenaan penjagaan alam sekitar seperti sungai akan diadakan dari masa ke semasa dengan mensasarkan semua lapisan masyarakat di negeri Johor. Melalui kempen ini juga, masyarakat dialu-dialukan untuk melaporkan sebarang kejadian pencemaran ke pihak berkuasa dengan kadar segera.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)  
SOALAN 21 (A73)**

Apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan pengusaha dan pekerja kedai makan tidak dimonopoli oleh warga asing.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar setiap PBT tidak membenarkan peniaga-peniaga yang bukan rakyat Malaysia atau warga asing berniaga secara berleluasa di dalam kawasan pentadbirannya.

Pihak PBT memandang serius isu kebanjiran peniaga warga asing yang sewenang-wenangnya menjalankan perniagaan makanan di negeri ini. Justeru, dalam usaha untuk memastikan peniaga tempatan tidak terancam dengan kehadiran mereka, PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha makanan warga asing termasuklah restoran yang dimiliki oleh peniaga tempatan manakala pekerjaannya terdiri daripada pekerja asing dan memastikan tiada penyalahgunaan lesen premis makanan berlaku.

**Sebagai contoh;** di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), terdapat dua peruntukan undang-undang yang digunapakai bagi mengambil tindakan terhadap peniaga warga asing ini seperti berikut :

**Pertama,**

Bagi tindakan penjaja warga asing peruntukan undang-undang yang digunakan ialah Undang-Undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, iaitu barang perniagaan peniaga tersebut terus disita dan tidak dikembalikan lagi sekiranya pemilik ingin membuat tuntutan.

**Kedua,**

Bagi tindakan di premis, ia menggunakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBJB) 2016, iaitu sitaan terus dalam premis tanpa sebarang notis di berikan kepada pemilik dan pekerja warga asing. Kertas siasatan juga akan dibuka untuk tujuan pendakwaan dimahkamah.

Dalam prosedur permohonan lesen, pihak pemohon perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta terdiri dari warganegara Malaysia. Jika mereka menggajikan pekerja warga asing, pelesenan perlu mempunyai kebenaran serta permit yang sah. Lesen perniagaan yang dimiliki juga tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.

Jika pemilik lesen didapati telah melanggar syarat pelesenan ini, tindakan penggantungan lesen atau pembatalan lesen boleh dibuat oleh pihak PBT. Pihak

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

PBT juga boleh mengambil tindakan terhadap lesen peniaga melalui laporan yang dikemukakan oleh pihak Imigresen setelah operasi dijalankan.

Tindakan ini dibuat dengan cara mengemukakan laporan penguatkuasaan pihak Imigresen bagi pertimbangan pembatalan lesen dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan & Pelesenan MBBJ.

Bagi mengawal perniagaan tanpa lesen milik warga asing ini, pihak PBT telah mengambil beberapa langkah pencegahan di antaranya:

- i. Tindakan berkala secara menyeluruh terhadap warga asing berniaga;
- ii. Operasi bersepadu bersama pihak Imigresen dan SPRM;
- iii. Rondaan secara berterusan dalam memastikan tiada aktiviti perniagaan daripada warga asing;
- iv. Aduan daripada orang awam yang merupakan mata-mata kepada pihak PBT, untuk memaklumkan lokasi-lokasi perniagaan warga asing ini.

Di peringkat Jabatan Imigresen, selaras dengan dasar kerajaan, majikan dibenarkan memohon pekerja asing bagi sektor perkhidmatan untuk bekerja di kedai makan tertaluk kepada jumlah kuota yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Walau bagaimanapun, bagi permohonan Pas Lawatan (Kerja Sementara) [PL(KS)] Jangka Pendek bagi tukang masak Warganegara Thailand tidak tertaluk kepada kelulusan kuota KDN. Majikan dibenarkan untuk mengaji pekerja asing berdasarkan keperluan tenaga kerja semasa.

Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor bagi memastikan pengusaha dan pekerja kedai makan tidak dimonopoli oleh warga asing adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan operasi bersepadu melibatkan agensi-agensi penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pihak-pihak berkuasa tempatan.
- ii. Mendakwa majikan yang menggaji Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).
- iii. Melaksanakan program-program kesedaran dan hebahan kepada orang awam supaya dapat melaporkan kehadiran PATI di kawasan mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)  
SOALAN 22 (A120)**

Nyatakan dasar dan rancangan Kerajaan dalam menjalankan pemutihan ke atas rumah ibadat bukan Islam (RIBI) yang tidak sah dengan menyatakan bilangan rumah ibadat bukan Islam yang sah dan tidak sah di setiap PBT untuk tahun 2015, 2016, 2017, 2018 sehingga sekarang.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Di peringkat PLAN Malaysia Johor, pada masa ini, tiada sebarang dasar, rancangan mahupun ketetapan berhubung sebarang program pemutihan ke atas rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang tidak sah di Negeri Johor. Namun begitu, tindakan penguatkuasaan ke atas RIBI yang wujud di atas tanah-tanah milik kerajaan atau rizab awam dan melanggar peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara (KTN) adalah bergantung kepada penguatkuasaan yang dilakukan oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD).

Selain itu, tindakan penguatkuasaan ke atas RIBI yang tiada sebarang kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan mesti mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Ulasan ke atas sebarang permohonan pembangunan RIBI diberikan berdasarkan Manual Piawaian dan Garis Panduan Perancangan Negeri Johor yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 3 Ogos 2013. Ulasan teknikal yang diberikan meliputi keluasan tapak minimum, tadahan penduduk, jalan keluar masuk, perimeter planting, perancangan tapak, lokasi perletakan dan reka bentuk.

Di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti ini telah dilaksanakan melalui Seksyen 18, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Peruntukan kesalahan ini melibatkan penggunaan tanah dan bangunan yang tidak menurut Rancangan Tempatan. Kebanyakan aktiviti Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang diambil tindakan beroperasi di premis kediaman.

Pihak pemilik tanah dan pengusaha aktiviti rumah ibadat bukan Islam tidak sah ini boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan Seksyen 26, Akta 172 dimana apabila disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan sehingga RM5,000.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Bilangan premis bangunan rumah ibadat bukan islam (RIBI) dikenalpasti menjalankan aktiviti samada kuil/tokong/gereja yang beroperasi secara sah atau tidak sah di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor bagi tempoh tahun 2015 hingga Mei 2019 adalah seperti Jadual berikut :



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

BIL	PBT	JENIS RIBI	BIL. RIBI DI PBT NEGERI JOHOR BAGI TEMPOH TAHUN 2015 - MEI 2019	
			BEROPERASI SECARA SAH	TIDAK SAH
1.	MBJB	Tokong		16
		Kuil		5
		Gereja		1
2.	MBIP	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
3.	MPM	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
4.	MPBP	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
5.	MPK	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
6.	MPKu	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
7.	MPPG	Tokong	5	
		Kuil	8	1
		Gereja	1	
8.	MPS	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
9.	MDT	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
10.	MDSR	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
11.	MDYP	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
12.	MDL	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

13.	MDP	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
14.	MDKT	Tokong	52	
		Kuil	10	
		Gereja	8	
15.	MDM	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		
16.	PBT PENGERANG	Tokong		
		Kuil		
		Gereja		

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 23 (A54)**

Minta dinyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas Pulau Kukup sebagai tapak Taman Negara sedangkan Kerajaan Pusat tidak mengiktiraf Pulau Kukup sebagai Taman Negara.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Taman Negara Johor Pulau Kukup telah diwartakan semula pada 31 Januari 2019. Selain diwartakan sebagai Taman Negara Johor, Pulau Kukup merupakan salah satu tapak Ramsar di Malaysia dan masih kekal status tersebut sehingga sekarang.

Bagi memastikan kelestarian Taman Negara Johor Pulau Kukup (TNJPK), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) meneruskan usaha-usaha dalam menjalankan 4 teras iaitu konservasi, penyelidikan, pendidikan dan eko-pelancongan. Antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

**1. Perjanjian Kerjasama Penyelidikan bersama Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM)**

- PTNJ telah mewujudkan jalinan kerjasama bersama pihak Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi aktiviti pembangunan kajian di TNJ Pulau Kukup dan TNJ Tanjung Piai.
- Kerjasama ini dimulakan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 11 Februari 2012. Kerjasama ini terus diperkukuhkan dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi tempoh lima (5) tahun pada 25 April 2015 sehingga 25 April 2020.
- Antara komponen dan bentuk kerjasama yang akan dilaksanakan melalui MOA ini adalah:
  - Kemudahan ruang pejabat penyelidikan di Pejabat Cawangan TNJPK dengan penempatan seorang Pegawai Penyelidik
  - Penubuhan Plot Kekal bagi penyelidikan jangka masa panjang meliputi kajian demografi, fenologi, sesaran tumbuhan, kemandirian, isipadu dirian hutan produktiviti dan kajian-kajian lain
  - Projek pemuliharaan in-situ dan ex-situ seperti pemuliharaan spesies bakau berus mata buaya. Satu plot konservasi bersaiz 10m x 10m telah dibangunkan di TNJ

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

Tanjung Piai. Sehingga kini sebanyak 50 anak benih telah disemai dan 30 daripadanya berjaya hidup.

- Stesen kaji cuaca bersaiz 10m x 10m telah dibangunkan di kawasan Kompleks Pelawat TNJPK. Pembangunan Stesen Kaji Cuaca dibangunkan menggunakan peruntukan Geran Kerajaan Negeri berjumlah RM 5,000 dan peralatan disediakan oleh pihak FRIM.

**2. Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *Sungei Buloh Wetlands***

- Kerajaan Negeri Johor melalui PTNJ dan Kerajaan Singapura melalui Sungei Buloh Wetland Reserve (SBWR) telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman (MOU) pada 21 Februari 2018 bersempena Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia bagi melihat beberapa faktor penting terutamanya dalam perkongsian ilmu dan membangunkan eko-pelancongan di TNJPK.
- MOU tersebut akan berakhir pada 20 Februari 2021 iaitu selama tiga tahun. Antara skop kerjasama adalah:
  - Menjadikan TNJPK dan Sungei Buloh Wetland Reserve sebagai *sister sites* di bawah East Asian-Australasian Flyways
  - Kerjasama dalam penyelidikan terhadap burung hijrah yang terdapat di kedua-dua kawasan
  - Saling mempromosikan kedua-dua kawasan sebagai kawasan penting bagi burung hijrah, *centre of excellence* bagi pengurusan kawasan tanah lembap

**3. Aktiviti Konservasi, Kesedaran dan Pendidikan**

- Menjalankan usaha-usaha penanaman semula bakau, *Mangroves Cleanup* melalui kolaborasi dengan institusi pendidikan, agensi awam dan swasta;
- Menyampaikan taklimat kesedaran awam atau ProKAS tentang kepentingan kawasan bakau dan Tapak Ramsar di sekolah-sekolah serta di lapangan kepada orang awam yang melawat Pulau Kukup;
- Penganjuran aktiviti-aktiviti pendidikan bersempena Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia;
- Penganjuran aktiviti-aktiviti pendidikan bersempena Sambutan Hari Bumi;
- Menjalankan program bersama sekolah angkat (SK Andik Mori dan SK Seri Sinaran Chokoh) secara berterusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)**

**SOALAN 24 (A69)**

Apakah status pegangan dan pulangan GLC-GLC negeri Johor dalam projek-projek berstatus besar seperti Iskandar Waterfront, Bandar Malaysia, South Key dan Bio Valley sehingga kini?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Semarang, status pelaburan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) sehingga 31 May 2019 di dalam syarikat adalah seperti berikut:

Pertama, bagi syarikat Iskandar Waterfront Holding Sdn Bhd (IWH), peratusan pegangan saham adalah sebanyak 36.87%, di mana pulangan kepada KPRJ dengan jumlah dividen terkumpul sebanyak RM28 Juta.

Kedua, Iskandar Investment Berhad (IIB), peratusan pegangan saham adalah sebanyak 20%, di mana pulangan kepada KPRJ dengan jumlah dividen terkumpul sebanyak RM21 juta.

Ketiga, Southkey City Sdn Bhd, peratusan pegangan saham adalah sebanyak 30%, di mana pulangan kepada KPRJ dengan jumlah dividen terkumpul sebanyak RM5.5 juta.

Untuk makluman ahli-ahli dewan yang mulia ini, Projek Bandar Malaysia merupakan projek kerajaan Malaysia yang melibatkan pembelian 60% saham Bandar Malaysia Sdn Bhd oleh IWH-CREC Sdn Bhd, syarikat usahasama antara Iskandar Waterfront Holdings Bhd (60%) dan China Railway Engineering Corp (40%). IWH-CREC Sdn Bhd kini berada di dalam proses untuk melengkapkan pembelian 60% saham syarikat tersebut.

Manakala bagi menjawab soalan berkenaan projek Bio Valley, ingin saya jelaskan bahawa projek ini bukan dilaksanakan di bawah KPRJ mahupun J-Biotech. Untuk makluman, J-Biotech bertanggungjawab ke atas projek Bio Desaru.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HAJI YUSOF (KUKUP)**

**SOALAN 25 (A90)**

Apakah perancangan kerajaan dalam memulihkan dan merancakkan kembali ekonomi Negeri Johor waktu ini dan pada masa akan datang, berbanding sebelum ini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Speaker dan ahli-ahli dewan yang mulia ini, prestasi ekonomi Johor pada tahun 2018 mencatatkan kadar pertumbuhan melepasi kadar pertumbuhan kebangsaan, di mana Johor mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.0% berbanding 4.7% kadar pertumbuhan kebangsaan.

Pada tahun 2019, ekonomi Johor diunjurkan tumbuh pada paras 5.2%.

Perkembangan ini sekaligus menangkis bahawa keadaan ekonomi Johor kini berada dalam keadaan yang kurang rancak. Pertumbuhan positif ini tidak menghentikan usaha kerajaan Johor yang sentiasa berusaha gigih untuk merencana dan merealisasikan perancangan pembangunan di seluruh negeri Johor. Kami di peringkat kerajaan negeri akan terus membawa pendekatan merealisasikan perancangan pembangunan di seluruh negeri Johor agar pembangunan yang berlaku tidak hanya tertumpu di satu-satu kawasan sahaja serta tidak bergantung kepada sesebuah sektor ekonomi sahaja.

Ini selari dengan usaha kerajaan negeri di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH) melaksanakan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019 – 2030. Pembangunan yang dirancang akan dibuat secara menyeluruh, khususnya di daerah-daerah yang satu ketika dahulu tidak diberikan tumpuan khusus oleh kerajaan terdahulu. Kerajaan negeri kini mempunyai perancangan yang teliti dan terperinci untuk membangunkan negeri serta negara ini ke satu tahap yang lebih baik.

Di bawah Pelan ini juga, beberapa sektor ekonomi berpotensi juga diberi penekanan antaranya ekonomi kreatif, industri halal, pelancongan, logistik, sains dan teknologi dan lain-lain lagi. Kerajaan negeri yakin dengan kerjasama yang baik di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan akan membantu pertumbuhan ekonomi negeri yang terus positif pada masa akan datang.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan meneruskan usaha untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negeri yang dipacu oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Usaha menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan akan diteruskan.

Alhamdulillah, bagi tahun 2018 negeri Johor sekali lagi telah mencatatkan nilai pelaburan sektor pembuatan diluluskan yang tertinggi di negeri Johor dengan nilai sebanyak RM 30.5 bilion daripada keseluruhan nilai pelaburan di peringkat nasional sebanyak RM87.7 bilion bersamaan 35% sumbangan dari negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)**

**SOALAN 26 (A134)**

Dalam keadaan kekangan dana, apakah strategi kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang, mendapatkan suntikan dana untuk pembangunan negeri Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Pemanis, Pelaburan langsung asing (FDI) menjadi sebahagian pelaburan penting dan tidak ketinggalan pelabur-pelabur tempatan (DDI) dalam memacu pembangunan Negeri Johor.

Kemasukan modal asing atau pelaburan membolehkan pelbagai sektor ekonomi seperti pembinaan kilang, hartanah, insurans dan sewa beli dan menjana peluang pekerjaan kepada rakyat Johor.

Johor mempunyai sebuah agensi kerajaan - Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) telah dipertanggungjawab untuk mempromosi Johor dan menarik kemasukan pelabur ke negeri ini.

Sebagai sebuah agensi pusat sehenti (*One Stop Centre*), JSIC berperanan membantu pelabur yang ingin melabur dan membawa masuk pelaburan luar dan dalam negara ke Negeri Johor dan ianya memastikan segala keperluan yang diperlukan oleh bakal pelabur dapat dipenuhi dengan kerjasama agensi kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Untuk menjadi sebuah Negeri Berekonomi Maju, Negeri Johor memerlukan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan bertaraf antarabangsa dalam industri berat berteknologi tinggi. Oleh itu, Kerajaan perlu menarik lebih banyak pelabur asing untuk bertapak di Negeri Johor bagi menghasilkan jentera, mesin, automobil dan barangan elektronik berteknologi tinggi.

Kerajaan Negeri akan memberi fokus industri berdasarkan '3H', iaitu *High-Technology*, *High-Value* dan *Halal Industry* (Teknologi Tinggi, Bernilai tambah tinggi dan Industri Halal) dan Industri 4.0.

Tahun 2019 akan menjadi 'tahun pecutan' untuk Negeri Johor dalam merealisasikan Johor sebagai 'Negeri Berprestasi Tinggi'. Kita perlu memberi penekanan kepada industri-industri ini kerana industri-industri ini merupakan industri penting di peringkat global dalam memacu Negeri Johor sebagai Negeri Berekonomi Maju (*State Advance Economy*).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

Sektor berteknologi tinggi mampu meningkatkan produktiviti Negeri Johor dengan ketara, dan memberi impak yang tinggi pada jangka masa yang panjang di mana rantaian bekalan, daripada pengeluaran sehingga pengguna sangat luas.

Setiap peringkat dalam rantaian bekalan ini mempunyai nilai tambah yang boleh ditawarkan beribu-ribu industri kecil. Ianya membuka jaringan rantaian bekalan yang sangat luas dan mencipta puluhan, malahan ratusan ribu peluang pekerjaan mahir berpendapatan tinggi.

Industri halal pula merupakan industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi yang tinggi untuk diterokai. Keutamaan produk halal bukan sahaja terletak pada sijil, tetapi penghasilan produk-produk tersebut sendiri mementingkan aspek kualiti dan kebersihan.

Beberapa strategi yang berkaitan dengan Industri Halal akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di mana ianya melibatkan Pengalakkan Industri Halal, Pemantauan Industri Halal serta Promosi Industri Halal yang akan dipergiatkan pada tahun 2019.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan terus menyertai Misi Galakan ke luar negara melalui Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) dimana Kerajaan Negeri akan menghantar delegasi perdagangan bagi menarik pelaburan dari luar negara samada dengan cara bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui agensinya iaitu MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) mahupun Misi Galakan Pelaburan Kerajaan Negeri sendiri. Delegasi ini bertujuan untuk menyalur serta menyampaikan maklumat kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan di Negeri Johor sama ada melalui seminar pelaburan, mesyuarat dan juga *business matching* serta mempromosikan Negeri Johor sebagai destinasi pelaburan yang unggul di rantau ini.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 27 (A143)**

Minta senaraikan semua program ke luar negara sama ada di bawah Kerajaan Negeri atau agensi dan syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) bagi tempoh Mei 2018 hingga Mei 2019 dengan perincian kos perbelanjaan serta hasil dan kejayaan program.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Panti, sebanyak sepuluh (10) lawatan kerja dan program ke luar negara telah disertai oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun iaitu dari bulan Mei 2018 sehingga bulan Mei 2019, melalui agensi Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC). Bagi tahun 2018 terdapat 5 misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke beberapa buah Negara iaitu, Singapura, China (Xiamen) Jepun, Korea, Indonesia dan Prancis. Misi ini adalah bagi melihat potensi dari segi penglibatan sektor pelaburan yang berasaskan teknologi tinggi, bidang industri, perkhidmatan perniagaan, industri perabot pengangkutan, logistik, infrastruktur ICT, tenaga dan utiliti.

Bagi tahun 2019 sehingga Jun 2019 pula terdapat 5 misi Galakan Pelaburan ke beberapa Negara iaitu Dubai, Indonesia dan China (Guangzhou, Shanghai, Suzhou, Luan, Huanggang, Wuhan, Tianjin Huizhou dan Shenzen).

Tujuan pada kali ini pula bagi melihat potensi bagi industri hub halal, industri minyak & gas, pelancongan, pembangunan hartanah, industri hiliran, industri perabot dan pelbagai sektor dan bidang industri

Kerajaan Negeri melalui Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) turut mengadakan Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara yang diketuai Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor bagi menarik pelaburan dari luar negara samada dengan cara bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui agensinya iaitu MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) mahupun Misi Galakan Pelaburan Kerajaan Negeri sendiri.

Melalui misi-misi perdagangan ini, pihak Kerajaan Negeri telah dapat menyalur serta menyampaikan maklumat dan mempromosikan Negeri Johor kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan di Negeri Johor sama ada melalui seminar pelaburan, mesyuarat dan juga *business matching*. JSIC juga memainkan peranan untuk membina jaringan hubungan (*networking*) promosi pelaburan menerusi pejabat MIDA di luar negara.

Melalui misi-misi perdagangan dan pelaburan yang disertai, Kerajaan Negeri telah menerima maklum balas positif dari bakal-bakal pelabur tersebut dan akan membuat tindakan susulan bagi setiap perbincangan yang telah diadakan sepanjang misi-misi ini diadakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)**

**SOALAN 28 (A15)**

Minta penjelasan apakah hasil baru kerajaan negeri yang dapat diwujudkan bagi tahun kewangan 2018. Berapakah jumlah hasilnya dan apakah perancangan kerajaan negeri melipat gandakan hasil baru ini. Dikatakan kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini banyak idea baru untuk mencipta hasil baru.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada YB Skudai mengenai usaha kerajaan negeri dalam memperluas jenis hasil bagi memperkukuhkan Kewangan Negeri Johor memandangkan perkara ini amat penting dalam memastikan kelancaran urusan pembangunan serta pentadbiran negeri Johor. Suka untuk saya nyatakan di sini, bahawa prestasi kewangan Kerajaan Negeri Johor berada pada kedudukan yang baik.

Berdasarkan Laporan Kewangan Negeri Johor berakhir 31 Disember 2018 yang sedang diaudit oleh Jabatan Audit Negara, anggaran jumlah akaun hasil disatukan adalah sebanyak RM1.54 billion manakala jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM1.53 billion. Ini menunjukkan lebih (surplus) berjumlah RM5.26 juta. Manakala jumlah simpanan rezab Kerajaan Johor adalah berjumlah RM2.46 billion.

Pentadbiran Negeri Johor di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan sentiasa komited serta mencari idea-idea baharu untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negeri bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Johor. Kestabilan fiskal juga signifikan dan perlu menjadi matlamat utama.

Antara usaha baharu kerajaan ke arah meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Johor adalah melalui :-

- Semakan kadar cukai tanah.
- Semakan kadar lesen hiburan.
- Penilaian semula pegangan bercukai Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Speaker, kali terakhir pindaan cukai tanah Johor diadakan adalah pada tahun 2004. Setelah 15 tahun berlalu, kerajaan negeri berpendapat ia perlu di perhalusi serta ditambah baik bagi memberi perkhidmatan dan kemudahan awam yang terbaik untuk rakyat. Oleh yang demikian, kerajaan negeri kini berada di peringkat akhir untuk memuktamadkan pelaksanaan semakan semula kadar cukai tanah sebagaimana terkandung di dalam Seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

Semakan semula dan Pindaan Cukai Tanah ini bertujuan bagi merangsang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Johor di samping boleh meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Johor. Dan pastinya peningkatan hasil tanah yang akan dijana melalui semakan semula cukai tanah ini akan dapat dimanfaatkan melalui

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

pertambahan program dan projek ke arah kesejahteraan rakyat. Apa yang pasti, Kerajaan Negeri akan memastikan semakan semula dan pindaan cukai tanah ini tidak akan membebankan rakyat khususnya bagi golongan B40.

Pentadbiran Tanah Johor juga dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia sedang merangka pelaksanaan kajian khusus bagi menstrategi pentadbiran tanah ke arah memaksimumkan pendapatan yang lebih mampan atau dengan izin **sustainable income**. Kerajaan Negeri akan mendasari isu dan cabaran dari aspek pemerkasaan undang-undang, penambahbaikan prosedur dan teknikal, penjanaaan hasil baharu (bukan cukai) dan pembangunan modal insan. Usaha ini bukan sahaja diyakini akan dapat menambah terimaan hasil negeri, bahkan merupakan suatu strategi jangka sederhana dan panjang bagi menstransformasi Pentadbiran Tanah Johor.

Bagi pelaksanaan pindaan Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1998, kerajaan negeri di peringkat akhir proses semakan semula terhadap cadangan kadar baharu bayaran lesen hiburan. Selain itu, Kerajaan negeri turut mengambil inisiatif ke arah memperkasa kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Sungguh pun hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri, usaha ini dilihat dapat membantu meningkatkan hasil PBT, sekali gus mengurangkan kebergantungan PBT terhadap Geran Keseimbangan daripada Kerajaan Negeri.

Bagi tahun 2019, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 13.7 Juta kepada 11 Pihak Berkuasa Tempatan PBT bagi tujuan Geran Keseimbangan. Oleh yang demikian, kerajaan negeri juga merancang melaksanakan penilaian semula pegangan bercukai Pihak Berkuasa Tempatan. Selaras dengan kehendak Seksyen 137 (3) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan Johor telah menggunakan senarai nilai dan kadar cukai sedia ada selama 5 tahun dan adalah wajar untuk melaksanakan penilaian semula. Selain kehendak akta, keperluan penilaian semula adalah berdasarkan justifikasi berikut:

- i. PBT yang terlibat dengan persempadanan semula kawasan menggunakan 2 atau 3 kadar cukai dan perlu diselaraskan bagi mengelakkan kekeliruan pembayar cukai.
- ii. Mengelakkan perbezaan kenaikan nilai dan jumlah cukai harta yang ketara sekiranya tidak melaksanakan penilaian semula dalam tempoh lama.
- iii. Mengemaskini semua data dan maklumat terkini bagi harta-harta di kawasan PBT dengan nilai pasaran terkini.

Tempoh kerja-kerja penilaian semula adalah pada tahun 2019 dan 2020, seterusnya dijangka senarai nilai dan kadar cukai baharu dikuat kuasakan pada tahun 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)**

**SOALAN 29 (A17)**

Minta penjelasan status terkini keselamatan di Johor yang melibatkan jenayah dan perjudian. Apakah langkah yang diambil kerajaan negeri untuk mengurangkan kadar jenayah dan perjudian ini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Dato' Speaker, pihak polis senantiasa meningkatkan operasi secara berterusan dan memantau segala jenis jenayah serta perjudian di dalam Kontinjen Johor dari peringkat Balai Polis, IPD dan IPK Johor.

Setiap pesalah kes yang terlibat akan diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1963 dengan mengenakan tindakan poca ke atas sindiket jenayah dan perjudian.

Statistik jenayah dan perjudian bermula Januari hingga Mei 2019 telah dikenal pasti menerusi lima (5) kategori judi. Jumlah operasi yang telah dijalankan adalah sebanyak 1,015 dengan 2,086 tangkapan, 933 rampasan mesin dan sejumlah RM674,109 rampasan wang tunai.

Berikut adalah pecahan kes, tangkapan serta rampasan:

Pertama, Judi Online (JOL) yang melibatkan sebanyak 185 operasi, berlaku sebanyak 570 tangkapan serta rampasan mesin sejumlah 933 mesin judi dan rampasa wang tunai melibatkan jumlah sebanyak RM105,894.

Kedua, Judi Loteri Awam dengan jumlah operasi sebanyak 695. Hasil operasi pihak polis sebanyak 703 tangkapan Berjaya dilakukan, tiada rampas dan melibatkan rampasan wang tunai sebanyak RM72,140.

Ketiga, Judi Bookie dengan jumlah operasi sebanyak 55, polis berjaya membuat tangkapan seramai 124 tangkapan dan rampasan wang tunai sejumlah RM111,261.

Keempat, Judi Dalam Bangunan dengan 44 jumlah operasi, dengan jumlah tangkapan seramai 385 pesalah dan rampasan wang tunai bernilai RM274,339.

Kelima, Judi Tempat Bebas dengan 36 operasi yang telah dijalankan dengan tangkapan seramai 304 dan rampasan wang tunai sejumlah RM110,475.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 30 (A188)**

Sila nyatakan sebab-sebab jeti Matahari Mining, Jalan Minyak Beku, Batu Pahat masih tidak mendapat kelulusan untuk beroperasi dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan di dalam membantu kelulusan ?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman dewan yang mulia, Jeti Matahari Mining, Jalan Minyak Beku, Batu Pahat telah membuat permohonan lesen pendudukan sementara bagi tahun 2019.

Lanjutan daripada itu, Pentadbir Tanah Batu Pahat telah mendapatkan 11 ulasan jabatan iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) Batu Pahat, Jabatan Laut Malaysia, BAKAJ, JPBD, JAS, IPD Batu Pahat, Imigresen, MPBP, Kastam, Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD).

Hasil keputusan mesyuarat JKKD akan dibawa bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Segala keputusan akan ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi permohonan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

**YB TUAN KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 31 (A87)**

Penduduk kampung DUN Bukit Pasir perlu membayar cukai harta dan cukai tanah bagi mereka yang memiliki tanah walaupun tidak dibina sebarang bangunan. Mengapakah perlu dibayar cukai sebanyak dua kali dan adakah kedua-dua cukai tanah dan cukai harta ini dikenakan di serata DUN-DUN di kawasan Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan ahli-ahli dewan yang mulia, dua (2) jenis cukai dikenakan ke atas pembayar cukai, iaitu cukai harta dan cukai tanah bagi pegangan masing-masing.

Cukai tanah dikenakan sebagaimana peruntukan di bawah seksyen 5 kanun tanah negara 1995 sebagai balasan kepada pihak berkuasa negeri yang telah memberi tanah milik kerajaan kepadanya. Manakala cukai harta dikenakan sebagaimana peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta171) di bawah Seksyen 127 – kuasa untuk mengenakan kadar sebagaimana berikut :

Pihak Berkuasa Tempatan boleh, dengan kelulusan pihak berkuasa negeri, dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu, mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar-kadar tahunan dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud akta ini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan pihak berkuasa tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Semua pegangan seperti bangunan kediaman, bangunan komersial, bangunan industri, tanah pertanian dan termasuk tanah kosong/ lot tanah yang belum dibangunkan boleh dikenakan cukai taksiran.

Pegangan adalah sebagaimana tafsiran dalam seksyen 2 akta kerajaan tempatan 1976 (akta 171) iaitu: “pegangan” ertinya mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan-bangunan di atasnya, yang dipegang di bawah suatu dokumen hakmilik yang berasingan dan, mengenai bangunan-bangunan yang dipecahbagi, ertinya harta bersama dan mana-mana petaknya dan, mengenai pulau pinang dan melaka, “pegangan” termasuklah mesuaj, bangunan, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terdedah atau terkepong, sama ada bangunan ada di atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara di bawah pihak berkuasa berkanun atau tidak;

Seksyen yang sama juga menyatakan, “ mengenai mana-mana tanah-

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 7 JULAI 2019**

- i. yang sebahagiannya diduduki atau sebahagiannya ada apa-apa binaan di atasnya;
- ii. yang kosong, tidak diduduki atau tidak apa-apa binaan di atasnya;
- iii. yang ada di atasnya suatu bangunan yang
- iv. belum siap; atau
- v. yang ada di atasnya suatu bangunan yang telah diperakui oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebagai ditinggalkan atau buruk atau tidak layak untuk kediaman manusia”

Pengenaan cukai harta ini adalah untuk membiayai kos penyelenggaraan bandar/kawasan sekitar di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan seperti penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam, pembayaran bil lampu jalan, kos pembersihan sisa pepejal dan keindahan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat.

Tanah yang tidak didirikan bangunan di atasnya tidak tertakluk di dalam pengecualian cukai sebagaimana Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) – pengecualian.

Dari kadar sebagaimana berikut, “apabila sesuatu pegangan atau mana-mana bahagiannya digunakan semata-mata untuk :

- (a) Sebagai tempat awam untuk sembahyang
- (b) Sebagai tanah perkuburan atau crematorium awam yang berlesen
- (c) bagi sekolah awam
- (d) Sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus dan bukan untuk mendapatkan keuntungan wang, pihak berkuasa negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan itu atau mana-mana bahagian pegangan itu dari pembayaran apa-apa kadar”